

Pengaruh Dialek Terhadap Penguasaan Kemahiran Komunikasi Bahasa Melayu Standard Pelajar Bumiputera Di UPSI

Influence of Dialect Against Mastery of Communication Skills in Standard Malay Language Among Bumiputera Students At UPSI

Rosliah Kiting¹, Shira Eariy Janedeh²

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana pengaruh dialek terhadap kemahiran komunikasi dalam bahasa Melayu yang standard. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran lisan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Selain itu, untuk menganalisis bentuk dialek yang digunakan semasa berkomunikasi lisan dalam kalangan pelajar bumiputera di UPSI. Kedua-dua objektif dipilih bagi memperlihatkan pengaruh dialek terhadap bahasa Melayu dalam kemahiran komunikasi pelajar Sabah dan Sarawak. Kajian ini dijalankan di Universiti Pendidikan Sultan Idris secara bersemuka dengan menggunakan 20 sampel kajian yang terdiri daripada 10 orang pelajar perempuan dan 10 orang pelajar lelaki berasal dari negeri Sabah mahupun Sarawak. Kesimpulannya, tahap penguasaan kemahiran komunikasi berbahasa Melayu standard cenderung kepada pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki. Tambahan itu, dialek-dialek yang digunakan lebih cenderung dalam bentuk kata ganti nama diri, kata tugas dan juga kata kerja.

Kata kunci: Dialek, komunikasi lisan, bahasa melayu, bumiputera

ABSTRACT

This research was carried out to see how dialects influence the communication skills in standard Malay. The objective of the research was to identify the level of dominance in Malay language skills among Sabah and Sarawak students at Sultan Idris Education University (UPSI). Besides that, this research also intended to analyse the form of dialect used during oral communication among bumiputera students. Both objectives were chosen to show the influence of dialect on the Malay language in the communication skills of Sabah and Sarawak students. This research was conducted at Universiti Pendidikan Sultan Idris using 20 samples consisting of 10 female students and 10 male students from the states of Sabah and Sarawak. The findings of the research found that the level dominance of standard Malay language communication skills tends to be female students compared to male students. In addition, the dialects used tend to be in the form of personal pronouns, task words and even verbs.

Keywords: Dialect, verbal communication, malay, bumiputera

¹ Rosliah Kiting, Pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris, roslih@fbk.upsi.edu.my

² Shira Eariy Janedeh, Pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris, d087858@siswa.upsi.edu.my

Pengenalan

Bahasa merupakan satu medium komunikasi yang memainkan peranan penting dalam masyarakat sama ada dalam bidang pendidikan mahupun bidang lain. Secara umumnya, bahasa ini wujud dalam pelbagai bentuk dan fungsi. Antara bahasa yang mendapat kedudukan dan dipandang tinggi di Malaysia ialah bahasa Melayu. Bahasa Melayu di Malaysia memiliki status dan peranan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa pengantar dan bahasa rasmi.

Dalam skop pendidikan, terdapat beberapa mata pelajaran teras yang bukan sahaja diwajibkan untuk dipelajari oleh murid malah ia turut dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran wajib lulus dalam setiap peringkat pendidikan. Mata pelajaran ini pula terbahagi kepada beberapa kemahiran yang perlu dikuasai termasuklah kemahiran lisan, kemahiran mendengar, kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

Kemahiran lisan merupakan kemahiran asas manusia yang pertama dipelajari dan diterapkan sejak awal usia seseorang individu. Pendedahan kemahiran lisan ini bermula dari ibu bapa, persekitaran dan pendidikan. Penguasaan terhadap kemahiran lisan amat penting terutamanya kepada penutur bahasa kedua bagi bahasa Melayu untuk mewujudkan masyarakat yang fasih berbahasa dalam pelbagai situasi.

Kefasihan berbahasa ini perlu diambil kira bukan sahaja pada peringkat sekolah tetapi juga pada peringkat universiti terutamanya dari aspek kebolehan pelajar untuk mengaplikasikan variasi bahasa dalam pelbagai situasi. Tambahan pula peringkat universiti merupakan tingkat pendidikan yang tinggi dan terdiri daripada kalangan masyarakat yang pelbagai etnik dari seluruh negeri di Malaysia. Aspek kepelbagaian ini mengundang ketidakseragaman bahasa yang digunakan oleh masyarakat, terutamanya dalam kalangan pelajar bukan penutur jati bahasa Melayu.

Dalam kehidupan seharian, bahasa Melayu sememangnya digunakan oleh pelajar namun kesediaan penggunaan bahasa ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran masih tidak seimbang kerana kewujudan penggunaan dialek. Keseragaman bahasa penting untuk mewujudkan sistem pendidikan yang jelas dan sekata. Walaubagaimanapun, sebagaimana wacana bahasa ini menjadi bahasa utama yang disanjung tinggi, kedudukan bahasa Melayu ini tetap mempunyai cabarannya yang tersendiri (Anne & Nornis, 2020).

Pernyataan masalah

Pengaruh penggunaan dialek dalam komunikasi sering menjadi punca kepada kegagalan penguasaan bahasa kedua dalam kalangan pelajar. Abdl Rahman dan Fadzilah (2018) menyatakan bahawa tahap penguasaan kemahiran lisan bahasa Melayu di Malaysia adalah lemah dan kurang memuaskan dalam kalangan penutur bahasa kedua bahasa Melayu.

Pelbagai masalah yang dapat dilihat berkaitan dengan pengaruh dialek ini dalam penguasaan bahasa Melayu terutamanya pengaplikasiannya dalam kehidupan seperti aktiviti komunikasi. Hal ini mendorong penyelidikan yang lebih meluas tentang isu dialek bagi meningkatkan lagi dapatan ilmiah yang berkaitan dengan dialek setiap etnik di negeri Malaysia. Menurut jumlah kajian literatur berkenaan dengan kepenggunaan

dialek tempatan atau peribumi berkait dengan bahasa Melayu masih kurang dari segi dapatan ilmiah terutamanya di Sabah dan Sarawak (Allice et al, 2020). Berdasarkan penyelidikan yang telah pengkaji tinjau dalam kajian lepas, dapatan ilmiah mengenai dialek tempatan sememangnya masih sedikit. Kajian sering memfokuskan tentang skop bahasa tetapi kurang dari segi pengaruh dialek terutamanya dari negeri borneo.

Menurut Alice et al. (2020), penyelidikan terkini mencadangkan keperluan untuk menyelidiki daya hidup atau revitalisasi bahasa dan dialek kumpulsn-kumpulan etnik bernatif bahasa Melayu seharusnya dikedepankan. Tuntasnya, dalam kajian ini cuba menentukan bagaimana pengaruh dialek menjadi punca kepada masalah penguasaan kemahiran lisan yang dihadapi oleh pelajar walaupun mereka sudah mendapatkan pendidikan formal dalam pembelajaran bahasa Melayu. Bagaimanapun menurut Jocylene Columbus & Jamaludin Badusah (2018), bukan suatu perkara mudah mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid.

Objektif

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengetahui tahap penguasaan kemahiran lisan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak di UPSI.
2. Menganalisis bentuk dialek yang digunakan semasa berkomunikasi secara lisan dalam kalangan pelajar bumiputera di UPSI.

Sorotan Kajian

Dalam bab ini pengkaji mengemukakan beberapa pendapat dan hasil dapatan daripada kajian pengkaji bahasa dalam dan luar negara berkaitan dengan pengaruh dialek terhadap penguasaan kemahiran lisan bahasa Melayu. Bab ini turut membincangkan beberapa elemen yang menjadi fokus utama dalam kajian yang menjadi tiang sandaran bagi menyokong hasil dapatan kajian ini. Antara elemen yang diberi penekanan ialah, pengaruh dialek dan juga penguasaan kemahiran lisan.

i. Ketersediaan penguasaan kemahiran lisan bahasa Melayu

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang telah diberi kedudukan sebagai bahasa kebangsaan selain menjadi bahasa pengantar dalam bidang pendidikan terutamanya di sekolah mahupun institusi pendidikan Malaysia. Bahasa ini perlu dikuasai dengan baik bukan sahaja dalam bidang penulisan tetapi juga secara lisan. Tambahan pula, bahasa Melayu sudahpun dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran teras yang diwajibkan untuk lulus dalam setiap peringkat pendidikan.

Berdasarkan analisis daripada kajian lepas, penguasaan pelajar terhadap bahasa Melayu masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Ketersediaan pelajar untuk menggunakan bahasa ini dalam komunikasi seharian kurang dipraktikkan disebabkan

lebih cenderung kepada penggunaan bahasa ibunda terutamanya pelajar yang bukan penutur jati bahasa Melayu. Beberapa langkah perlu diambil untuk menggalakkan pelajar lebih cenderung menggunakan bahasa ini dalam komunikasi harian mereka. Terdapat beberapa kajian yang dijalankan untuk melihat kesediaan pelajar.

Menurut kajian Cheah. Y. L dan Ruzanna Wan Mohammad (2020) dalam kajiannya yang bertajuk “Kesediaan Penguasaan Kemahiran Lisan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Menerusi Pengimplementasian Didik Hibur dalam Talian”. Kajian ini merupakan sebuah kajian kes bersifat kualitatif yang dijalankan sepenuhnya dalam talian di sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC), bandar Ipoh. Dalam kajian ini, seramai 3 orang responden dengan menggunakan temu bual separa berstruktur sebagai instrumen kajian. Tujuan kajian ini ialah untuk meneliti kesediaan murid-murid Cina yang menguasai kemahiran lisan Bahasa Melayu menerusi aktiviti didik hibur dalam talian.

Kajian ini menyimpulkan bahawa kesediaan pelajar merupakan aspek yang perlu diberi perhatian terutamanya pembelajaran yang melibatkan penguasaan kemahiran lisan. Dalam kajian ini, murid cina Tahun 3 menunjukkan kesediaan mereka untuk menerima PdPC kemahiran lisan sebagai bahasa kedua menerusi pendekatan didik hibur. Walaubagaimanapun, pembelajaran dalam talian ini tidak memberi jaminan terhadap keberkesanan penguasaan bahasa kedua. Ini menunjukkan keperluan kajian yang lebih meluas dalam bidang bahasa ini.

Terdapat beberapa lagi kajian yang berkait rapat dengan penguasaan bahasa Melayu ini sebagai bahasa kedua. Dalam kajian Noor A. Mohamed dan Nor A. Hasssan (2019) yang bertajuk “Penguakuan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta”. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan isu penggunaan bahasa Melayu di Institusi pengajian tinggi swasta serta menganalisis faktor kelemahan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Universiti swasta. Seramai 100 orang responden yang telah digunakan terdiri daripada pelajar Universiti swasta dengan menggunakan kaedah persampelan secara rawak.

Analisis kajian ini menyimpulkan bahawa tahap kesedaran dan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di Universiti swasta ini berada pada tahap yang sederhana. Para pelajar dilihat masih kurang kesedaran dan pemahaman tentang kepentingan peranan bahasa Melayu ini bukan sahaja dalam bidang pendidikan tetapi juga dalam pengukuhan keharmonian sesama pelajar. Komunikasi memainkan peranan yang sangat penting bagi membentuk individu yang mempunyai kompetensi yang tinggi di bidang pendidikan.

ii. Isu penggunaan dialek dalam komunikasi

Penggunaan dialek sudah sehati dalam kehidupan masyarakat bukan sahaja di dalam negara tetapi juga cenderung digunakan di luar negara menurut bahasa mereka. Kewujudan dialek ini disebabkan faktor kepelbagaian latar belakang dalam kalangan penduduknya. Melalupemerhatian secara langsung, isu dialek ini sering dikaitkan secara meluas baik dalam bidang pekerjaan, perniagaan mahupun pendidikan. Bidang

pendidikan memerlukan keseragaman bahasa dalam pertuturan untuk mewujudkan sistem pendidikan yang jelas dan sekata di Malaysia.

Meskipun bahasa Melayu menduduki kedudukan teratas dan disegani tetapi ia tetap mempunyai cabarannya yang tersendiri. Usaha mempergiat dan mengembangkan bahasa ini dianggap sering menghadapi kekangan yang berpunca daripada kemahiran komunikasi seseorang individu walhal di dalam bidang pendidikan sekalipun. Kemahiran komunikasi amat penting sebagai salah satu penyampaian yang membantu seseorang itu menguasai sesebuah bahasa terutamanya bahasa Melayu yang menjadi bahasa pengantar pelajar.

Anne & Nornis (2020) berpendapat negara yang mempunyai masyarakat majmuk dengan identiti rakyatnya yang mempunyai kepelbagaian baik dari segi kebudayaan, pegangan bahkan pertuturan, tidak hairan jika masyarakat di negara tersebut boleh bertutur lebih daripada satu bahasa. Beliau mendapati kepelbagaian bahasa secara tidak langsung mempengaruhi kewujudan

penggunaan pelbagai dialek dalam komunikasi seharian. Tuntasnya kajian ini menunjukkan isu penggunaan dialek yang merupakan isu dominan dalam konteks Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk meliputi pelbagai bidang termasuklah pendidikan.

Kajian lepas sering mengetengahkan penggunaan dialek ini sebagai salah satu alat bantuan dalam komunikasi khususnya kepada pelajar sekolah menengah. Kecenderungan dialek akhirnya menyebabkan pelajar kurang mahir bertutur dalam bahasa Melayu baku. Penguasaan ini seharusnya diterapkan sejak awal bangku persekolahan agar kelak pelajar mudah menyesuaikan diri ketika menginjak kehidupan di Universiti. Melalui pemerhatian tidak langsung kebanyakan penuntut Universiti yang bukan penutur jati bahasa Melayu ini kurang fasih berbahasa Melayu standard sehinggakan mengganggu komunikasi mereka dengan pelajar lain yang berasal dari negeri berbeza.

Menurut Krish et al (2014) dalam kajiannya menyatakan bahawa masalah komunikasi yang kurang berkesan dipengaruhi oleh kecenderungan menggunakan bahasa dialek. Beberapa isu yang dikemukakan berkaitan dengan tahap penguasaan pelajar terhadap bahasa Melayu ini terutamanya dalam kemahiran bertutur. Kemahiran ini merupakan antara kemahiran yang sering menjadi isu kerana kerap berlaku percampuran kod yang menyebabkan kepentingan bahasa Melayu standard ini dipinggirkan.

Metodologi Kajian

Temu bual

Kajian ini mengambil kesempatan untuk melaksanakan temu bual secara ringkas bagi mendapatkan data mengenai latar belakang responden selain memberi penerangan lanjut mengenai aktiviti pembentangan.


Pembentangan

Kajian melibatkan aktiviti rakaman pembentangan secara rawak seramai 20 orang responden. Aktiviti pembentangan dilaksanakan secara spontan dengan menggunakan bahasa Melayu standard. Perjalanan aktiviti pembentangan dirakam bagi tujuan analisis.

Teori kajian

Teori kajian yang digunakan adalah berdasarkan teori percampuran kod tetapi tidak ditumpukan sepenuhnya sebagai fokus kajian. Dalam kata yang lain, inti kajian ini mempunyai perkaitan dengan konsep teori percampuran kod ini di mana kajian ini tertumpu kepada usaha berbahasa lebih daripada satu bahasa. Berdasarkan hasil kajian yang telah diperolehi, responden menggunakan dialek dalam pertuturannya di mana responden menggunakan bahasa Melayu yang standard dengan dialek Melayu Sabah dalam satu masa ketika bertutur mahupun berkomunikasi untuk menyampaikan sesuatu maklumat. Begitu juga dengan dialek Sarawak yang digunakan oleh responden. Kajian rintis turut memperlihatkan terdapat juga percampuran kod ataupun lebih dikenali sebagai “*code mixing*” dalam hasil kajian berdasarkan kaedah temu bual dan juga pembentangan yang telah dilaksanakan. Percampuran kod ini merupakan satu fenomena yang biasa dalam kalangan individu yang boleh berbahasa lebih daripada satu. Fenomena ini biasanya berlaku apabila seseorang itu bertutur dengan memercampuradukkan bahasa atau dialek seperti bahasa Melayu, Cina, Tamil dan juga suku kaum serta dialek tempatannya.

Dapatan dan Perbincangan



**Rajah 1: Data Penguasaan Kemahiran Lisan Bahasa Melayu dalam
Kalangan Pelajar Bumiputera di UPSI Mengikut
Jantina**

Berdasarkan hasil pembentangan secara rawak, pengkaji telah mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran lisan dalam kalangan pelajar bumiputera di UPSI mengikut jantina. Tahap penguasaan kemahiran lisan pelajar dalam kajian ini diukur melalui sesi pembentangan dan dilihat dari beberapa komponen kemahiran lisan termasuklah dari segi sebutan, tekanan, kelancaran, kefasihan, tatabahasa dan laras bahasa yang digunakan semasa membentang. Pengkaji juga memerhatikan gaya percakapan informen dan juga kekerapan penggunaan bahasa dialek yang dituturkan semasa berkomunikasi dalam bahasa Melayu baku. Semua data ini disediakan dalam satu senarai semak yang disediakan oleh guru bagi menilai tahap penguasaan pelajar dalam berbahasa Melayu baku.

Rajah 1 diatas menunjukkan tahap penguasaan kemahiran lisan bahasa Melayu berdasarkan jantina. Hasil kajian mendapati sebanyak 60% daripada responden perempuan bersamaan 6 daripada 10 orang pelajar mempunyai tahap penguasaan kemahiran lisan yang baik manakala, 40% lagi terdiri daripada pelajar lelaki. Ini bermakna, 4 orang daripada 10 pelajar lelaki mempunyai penguasaan yang baik dalam kemahiran lisan menggunakan bahasa Melayu baku. Berdasarkan data tersebut, dapat disimpulkan bahawa pelajar perempuan mempunyai tahap penguasaan kemahiran lisan bahasa Melayu baku yang lebih baik berbanding pelajar lelaki.

Jadual 1: Senarai bentuk dialek

Bil	Dialek	Maksud perkataan dialek dalam bahasa Melayu	Bentuk dialek
1.	Durang	Mereka	Kata ganti nama diri (ketiga)
2.	Seja	Saja/ Sahaja	Kata tugas
3.	Sia	Saya	Kata ganti nama diri (pertama)
4.	Tida/ Teda	Tidak	Kata tugas
5.	Anu	Panggilan untuk orang ketiga atau apabila tidak mengetahui	Kata ganti nama diri (ketiga)
6.	Macam tu	Seperti itu	Kata tugas
7.	Ja	Saja	Kata tugas
8.	Inda	Tida	Kata tugas
9.	Mau	Mahu	Kata kerja
10.	Tau	Tahu	Kata kerja
11.	Kamek	Saya	Kata ganti nama diri (pertama)
12.	Sidak	Mereka	Kata ganti nama diri (ketiga)
13.	Sik	Tidak	Kata tugas
14.	Gik	Sedang	Kata tugas

Berdasarkan jadual 1, pengkaji telah menganalisis beberapa bentuk dialek yang digunakan oleh responden semasa pembentangan. Meskipun pengkaji sudah memaklumkan untuk menggunakan bahasa Melayu baku semasa membenteng, hasil analisis mendapati bahawa responden cenderung untuk menggunakan beberapa bentuk dialek semasa pembentangan. Antara bentuk yang digunakan dalam pertuturan ialah kata ganti nama, kata tugas dan juga kata kerja.

Kata ganti nama ini diperoleh semasa responden ingin melontarkan pendapat ataupun ketika memberi contoh situasi, maka responden menggunakan dialek dalam bentuk kata ganti diri sama ada kata ganti diri pertama mahupun kata ganti diri ketiga. Penggunaan kata gantidiri ini dapat dilihat daripada petikan di bawah iaitu sebahagian penggunaan kata ganti nama yang digunakan oleh responden semasa pembentangan yang telah ditranskripikan oleh pengkaji.

“Sekiranya pembelajaran dilaksanakan secara fizikal pelajar berpeluang untuk bertanyakan soalan secara langsung. Durang juga dapat berbincang dengan rakan yang lain.”

Perkataan ‘durang’ merupakan bahasa dialek bagi masyarakat Sabah yang bermaksud mereka. Responden menggunakan ‘durang’ bagi merujuk pelajar yang disebut pada ayat yang pertama. Dalam bahasa Melayu, perkataan mereka ini merujuk kepada kata ganti nama diri ketiga. Selain itu, kata ganti diri yang seterusnya ialah penggunaan dialek ‘sia’. Perkataan ini sering dituturkan oleh masyarakat di negeri Sabah yang membawa maksud saya. Sebagai contoh yang dapat dilihat berdasarkan hasil kajian semasa pembentangan adalah,

“Pada pendapat ‘sia’, pembelajaran secara fizikal lebih berkesan berbanding pembelajaran secara dalam talian.”

Seterusnya, penggunaan dialek ‘anu’. Perkataan ‘anu’ ini cenderung digunakan sebagai panggilan untuk orang ketiga atau apabila tidak mengetahui nama seseorang. Perkataan ini juga merupakan salah satu dialek yang digunakan oleh masyarakat berbilang kaum di Sabah. Penggunaan perkataan ini dapat dilihat berdasarkan hasil analisis pengkaji terhadap pertuturan responden.

“Misalnya, si ‘anu’ tidak dapat menyiapkan kerja rumah, jadi cikgu pun tidak dapat mengesan aktiviti yang dilakukan oleh dia.”

Kajian ini merupakan sebuah kajian dalam kalangan pelajar bumiputera. Seperti yang kita sedia maklum bumiputera terdiri daripada masyarakat Sabah dan Sarawak. Oleh itu, analisis bentuk dialek ini turut merangkumi dialek Sarawak. Semasa pembentangan, pengkaji mendapati penggunaan bentuk dialek kata ganti nama diri turut digunakan seperti ‘kamek’ dan juga ‘sidak’. Perkataan ‘kamek’ bermaksud saya, manakala perkataan ‘sidak’ pula membawa maksud mereka. Kedua-dua perkataan ini adalah dalam bentuk kata ganti nama diri pertama dan juga kata ganti nama diri ketiga.

“Kamek rasa pembelajaran secara fizikal tu lebih berkesan berbanding pembelajaran secara dalam talian.”

“Ah, sidak juga dapat mengambil pengalaman belajar secara bersemuka dan dapat berbincang dengan rakan sekelas mengenai topik-topik yang akan disampaikan oleh guru.”

Bentuk dialek kedua yang mempunyai kecenderungan penggunaan oleh pelajar ialah kata tugas. Terdapat beberapa kata tugas yang dapat dianalisis seperti perkataan ‘seja’ yang bermaksud sahaja, ‘sik’, ‘tida’ atau ‘inda’ yang bermaksud tidak, dialek ‘teda’ yang membawa maksud tiada, dialek ‘ja’ yang bermaksud saja, dialek ‘macam tu’ yang bermaksud seperti itu dan juga dialek ‘gik’ yang bermaksud sedang. Semua penggunaan dialek ini dikategorikan dalam bentuk kata tugas dalam bahasa Melayu. Berikut adalah penggunaan dialek berbentuk kata tugas yang dapat dianalisis berdasarkan pembentangan responden.

“Hal ini kerana, pembelajaran tersebut hanya tertumpu kepada guru seja dan pelajar sudah tentu akan ketinggalan.”

“Guru sik dapat memperhatikan aktiviti pelajar.”

“Saya rasa pembelajaran bersemuka ni lebih berkesan kerana pelajar inda dapat buat perkara lain kerana ada guru yang mengawal keadaan kelas.”

“Dalam kelas tu kan teda guru jadi pelajar bebas melakukan aktiviti di luar tpoik pembelajaran.”

“Sekiranya pembelajaran secara dalam talian, kemungkinan pelajar tu cuma

masuk googlemeet ja tapi tidak memberi perhatian terhadap topik yang disampaikan oleh guru..”

“Masa pembelajaran berlalu macam tu ja dan pelajar tidak mendapat sebarang input kerana leka dengan aktiviti lain.

“Guru gik mengajar, pelajar pula buat perkara lain.”

Akhir sekali, penggunaan dialek dalam bentuk kata kerja. Hasil kajian mendapati responden turut menggunakan dialek yang berbentuk kata kerja seperti ‘mau’ yang bermaksud mahu dan juga ‘tau’ yang bermaksud tahu. Kedua-dua perkataan ini dapat dikategorikan sebagai kata kerja. Dialek ini diperoleh berdasarkan idea dan ayat yang dilontarkan oleh responden semasa pembentangan.

Jelaslah di sini penggunaan dialek semasa bertutur masih mempengaruhi tahap penguasaan segelintir pelajar bumiputera dalam pertuturan mereka semasa pembentangan menggunakan bahasa Melayu baku. Dialek-dialek yang digunakan pula lebih cenderung dalam bentuk kata ganti nama diri, kata tugas dan juga kata kerja.

Perbincangan

Dalam bab ini pengkaji telah membincangkan dengan terperinci mengenai dapatan data kajian yang diperoleh selaras dengan persoalan kajian yang telah ditetapkan.

i. Mengukur tahap penguasaan komunikasi lisan pelajar Sabah dan Sarawak dalam bahasa Melayu standard berdasarkan kesediaan penguasaan bahasa Melayu

Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh Cheah. Y. L di mana kesediaan penguasaan kemahiran lisan bahasa Melayu merupakan aspek yang perlu diberi perhatian terutamanya pembelajaran yang melibatkan penguasaan kemahiran lisan. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji merangkumi pengaruh dialek terhadap komunikasi lisan dalam berbahasa Melayu standard, pengkaji mendapati segelintir pelajar masih kurang dalam penguasaan bahasa Melayu standard ini kerana kurang kesediaan untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam pendidikan sehingga menganggap bahawa bahasa Melayu ini hanyalah sekadar keperluan untuk melepasi tahap ukuran dalam sesuatu kursus bagi mendapatkan keputusan gred yang tinggi.

ii. Isu penggunaan dialek dalam komunikasi

Kajian Anne & Nornis (2020) yang berpendapat bahawa isu penggunaan dialek yang merupakan isu dominan dalam konteks Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk mempunyai persamaan dengan kajian ini. Kajian lepas sering mengetengahkan penggunaan dialek sebagai salah satu alat bantuan komunikasi sehingga menyebabkan pelajar kurang mahir bertutur dalam bahasa Melayu standard. Isu dialek ini dapat dilihat

dalam hasil dapatan di manamasih terdapat penggunaan dialek dalam komunikasi pelajar. Buktinya, terdapat beberapa bentuk dialek yang dapat disenaraikan oleh pengkaji hasil daripada pemerhatian dan transkripsi daripada sesi pembentangan yang telah dijalankan terhadap beberapa orang responden secara rawak.

Keputusan kajian turut menemukan persamaan dengan kajian yang telah dilaksanakan oleh Krish et al (2014). Kajian beliau menyatakan bahawa masalah komunikasi yang kurang berkesan dipengaruhi oleh kecenderungan menggunakan bahasa dialek. Kenyataan yang telah diberikan adalah seiring dengan pendapat pengkaji setelah mengumpulkan data yang telah diperoleh sepanjang melaksanakan kajian ini. Penggunaan beberapa bentuk dialek semasa bertutur menjadi punca kepada kurangnya tahap penguasaan terhadap bahasa Melayu standard. Penggunaan dialek ini turut menyebabkan suatu ayat yang diucapkan itu menjadi kurang gramatis kerana tidak dapat difahami dengan jelas oleh pengkaji. Jelaslah di sini, sememangnya komunikasi yang kurang berkesan ini dipengaruhi oleh kecenderungan seseorang itu berkomunikasi dalam bentuk dialeknnya sendiri.

Hasil kajian menyimpulkan bahawa tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran lisan dalam berbahasa Melayu standard masih kurang memuaskan disebabkan oleh banyaknya penggunaan dialek dalam pertuturan mereka yang acapkali disebut secara berulang-ulang semasa membenteng. Tuntasnya, tahap penguasaan komunikasi lisan pelajar Sabah dan Sarawak dalam bahasa Melayu standard berdasarkan kesediaan penguasaan bahasa Melayu masih berada pada tahap yang sederhana. Isu penggunaan dialek ini sesungguhnya masih menjadi pengaruh besar dalam menentukan keberkesanan komunikasi seseorang terutamanya apabila berkomunikasi dalam bahasa standard. Penggunaan dialek ini sangat mempengaruhi struktur ayat yang digunakan sehingga menyebabkan wujudnya percampuran kod dalam bahasa seseorang itu yang meminggirkan kepentingan bahasa Melayu standard.

Kesimpulan

Kajian ini telah membincangkan tahap penguasaan pelajar Universiti yang berasal daripada negeri Sabah dan Sarawak mengikut jantina. Data yang diperoleh hasil daripada sesi temu bual dan pembentangan sangat membantu dalam mengembangkan kajian terutamanya bagi melihat sejauh mana pengaruh dialek terhadap penguasaan komunikasi pelajar borneo dalam berbahasa Melayu standard.

Rujukan

- Abd Rahman, Fadzilah (2018). Tahap Penguasaan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif (The level of Proficiency of Malay Speaking Skills among Non-Native Students). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2), 74-83.
- Abdullah.(1987). Isu-isu Pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan, 1983. Rencana Linguistik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Allice et al (2020). Bahasa Melayu, Leksikal Dan Leksikografi Dialek Bumiputera Borneo, Sabah (DMB) Literatur Tuntas Pelestarian Serta Integrasi.
- Anne Kihob & Saidatul Mahali (2020). Kerancuan Bahasa Dalam Karangan Sekolah Menengah Di Daerah Tuaran, Sabah.
- Chew Fong Peng (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 10-22.
- Hassan Ahmad. (2000). Ragam Bahasa Melayu. Utusan Melayu (Malaysia).
- Ilangko Subramaniam et.al. 2014. Penggunaan bahasa ibunda dalam pengajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid peribumi di sekolah pedalaman Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (1): 65- 74.
- Jocylene Columbus & Jamaludin Badusah (2018). Pengaruh Persekitaran Linguistik Terhadap Penguasaan Lisan Dalam Kalangan Murid Melanau Di Daerah Mukah.
- Krish et. al (2014). Pengaruh dialek dalam komunikasi. Diperoleh daripada <http://insaniah.umk.edu.my/journal/index.php>.
- Noor Dani & Syeril Kining (2016). Impak Dialek Melayu Sabah Ke Atas Bahasa Ibunda Generasi Muda Etnik Kadazandusun. *International Journal of the Malay World And Civilisation*, 4(2), 45-55. Diperoleh daripada

[http://dx.doi.org/10.17576/IMAN-2016-0402-05.3\(1\)](http://dx.doi.org/10.17576/IMAN-2016-0402-05.3(1)).

Ra'in Shaari (2014). Pengenalan Ilmu Linguistik dan Bahasa. Pengenalan Bahasa Melayu.

Diperoleh

daripada

https://issuu.com/mohdrainbinshaari./docs/bab_1_pengenalan_bm_pjj.

Saidatul Mahali (2020). Pengaruh Dialek Melayu Brunei dalam Dialek Melayu Sabah.

Jurnal Melayu. 19(1), 105-123.

Diperoleh

<http://ejournal.ukm.my/jmelayu/issue/view/1264>.

Samsuri. (1978). Analisa Bahasa: Memahami Bahasa Secara Ilmiah. Jakarta:

Erlangga. Siti Isa (2015). Penguasaan Lisan Bahasa Melayu Dalam Kalangan

Pelajar Prauniversiti.

Masters thesis. Diperoleh <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/5746g>.

S. Nathesan. (1997). Semantik dalam Bahasa Melayu: Satu pandangan. Dewan

Bahasa,41(1).525-529.

Tay M. G. (2003). Satu Tinjauan Terhadap Sikap dan Masalah Guru Bahasa Melayu

diSekolah Rendah Jenis Kebangsaan. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, 11, 1-17.

Yahya Don 2005. Kepimpinan Pendidikan di Malaysia. PTS Professional Publishing Sdn.

Bhd. Wangsa Melawati: Kuala Lumpur, Malaysia.